

DATE: / / 2007

ECER majukan 227 projek

Perdana Menteri rasmi pelancaran hari ini di Terengganu, Kelantan

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan pelan induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Terengganu dan Kelantan hari ini dan di Pahang esok.

Menteri-menteri besar negeri terbabit termasuk dari Johor akan turut mengiringi Perdana Menteri di pelancaran berkenaan.

Pelan induk ECER yang diterajui Petronas membabitkan 227 projek dalam pengangkutan, prasarana, pelancongan, pendidikan, pembuatan, sektor minyak dan gas dan pertanian.

Pelancaran di Terengganu bermula pada jam 9 pagi di Padang Awam, Batu Burok, manakala di Kelantan pada jam 3 petang di Padang Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu.

Di Pahang, majlis akan bermula pada 9 pagi esok di Padang City Hall, Kuantan.

Di medan pelancaran, pameran tiga hari juga akan diadakan bagi membantu mewujudkan kesedaran awam mengenai ECER dan projek serta inisiatif utamanya.

Abdullah juga akan menyaksikan majlis pemeterian tiga memorandum persefahaman (MoU), setiap satu di negeri terbabit.

MoU itu adalah untuk projek berkaitan dengan sektor pertanian sejajar dengan inisiatif Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Di bawah RMK-9, sektor pertanian




akan menjadi jentera pertumbuhan ekonomi ketiga dengan peruntukan dana RM11.4 bilion.

Pada pelancaran ECER di Kuala Terengganu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Marditech Corp Sdn Bhd dan Terengganu Agrotech Development Corp Sdn Bhd akan memeterai MoU untuk menubuhkan pusat penyelidikan penternakan kambing.

Pusat seluas 900 hektar itu akan mengendalikan penyelidikan dan pembangunan penternakan kambing dan pengurusan perladangan. Sasarannya adalah untuk meningkatkan pendapatan daripada penternakan kambing dan mengurangkan import daging kambing negara.

Di KOTA BHARU, Universiti Malaysia Kelantan dan Lembaga Kema-



PERSIAPAN AKHIR: Pekerja menyiapkan model pembangunan Muara Sungai Kuala Terengganu di dewan pameran sempena pelancaran Wilayah Ekonomi Pantai Timur di Kuala Terengganu, semalam.

juan Kelantan Selatan akan memeterai MoU untuk memulakan projek agropolitan.

Inisiatif agropolitan adalah pendekatan menyeluruh kepada pertanian daripada menyediakan biji benih berkualiti hinggalah kepada amalan pertanian yang baik dan mentor perniagaan yang membabitkan penyertaan sektor awam dan swasta, universiti dan institusi sosial.

Di KUANTAN, Jabatan Perkhid-

FAKTA NOMBOR

ECER

200 hektar

Pusat penyelidikan penternakan lembu

3,000

Penternak terbabit

matan Veterinar, Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi) akan memeterai MoU bagi menubuhkan pusat penyelidikan penternakan lembu.

Pusat seluas 200 hektar itu akan menempatkan 3,000 penternak dan menumpukan kepada program meningkatkan kuantiti dan kualiti lembu di negara ini. - Bernama

BERNAMA